

SULIT

NO. SOALAN: 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH BIN
RAJA AHMAD [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 25 JULAI 2017

RUJUKAN : 9958

SOALAN :

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan Malaysia memantau dan menghalang kemasukan dan ancaman IS - Islamic State, ke dalam negara dengan kekalahan kumpulan tersebut di Timur Tengah.

SULIT

SULIT

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap keselamatan negara berada dalam keadaan baik dan terkawal daripada sebarang bentuk ancaman pengganas di dalam mahupun luar negara. Bagi merealisasikan tujuan itu, Kerajaan melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa meningkatkan pemantauan bagi memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan aman dan selamat serta bebas daripada ancaman keganasan.

Kerajaan tidak menolak kemungkinan ancaman pengganas di luar negara akan merebak ke negara kita. Mengambil kira beberapa peristiwa serangan pengganas yang berlaku di dunia masa kini, kekalahan kumpulan Daesh di Syria serta implikasi daripada tindakan ofensif Kerajaan Indonesia, Thailand dan Filipina memerangi kumpulan pengganas secara besar-besaran di negara masing-masing telah mendorong Kerajaan mengambil beberapa langkah drastik dalam usaha mempertingkatkan lagi tahap keselamatan negara. Antaranya adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, pusat-pusat perniagaan komersial, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan ini dibuat dengan menggunakan konsep "Strategi

SULIT

SULIT

Lautan Biru Kebangsaan” iaitu kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Anggota terlibat turut dilengkapi dengan senjata bagi meningkatkan keyakinan rakyat dan juga pelancong akan tahap keselamatan negara.

Pada masa yang sama, kawalan keselamatan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuk kawalan di sepanjang sempadan negara. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara pihak Polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat di negara ini. Ini dapat dilihat daripada segi operasi tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.

SULIT